

Malaysia capai status negara tua lebih pantas daripada negara maju

KUALA LUMPUR 11 Mei - Malaysia mencapai status 'negara tua' pada kadar lebih pantas daripada negara maju menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kos tinggi untuk menyara golongan warga emas yang dijangka meningkat sekali ganda menjadi 14 peratus daripada jumlah penduduk dalam tempoh 23 tahun akan datang.

Dengan hampir separuh daripada pesara di Malaysia sekarang tidak produktif iaitu hanya menjaga cucu selain krisis simpanan wang persaraan yang tidak mencukupi dan hutang yang tinggi, masalah muflis dalam kalangan pekerja muda di negara ini menyebabkan keperluan untuk menyediakan penempatan di pusat-pusat jagaan warga emas oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM) semakin meningkat.

Menurut Pengarah Institut Penyelidikan Penuaan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Tengku Aizan Hamid, situasi berkenaan merupakan isu nasional dan kerajaan memerlukan satu unit khusus untuk membantu melaksanakan banyak perkara berkaitan golongan warga emas termasuk isu tanggungan dan perkhidmatan yang perlu disediakan kepada mereka.

Katanya, selaras dengan perkembangan berkenaan, pihaknya kini merangka strategi bagi memastikan golongan warga emas dapat meneruskan kehidupan mereka dengan lebih terjamin di samping terus memberi sumbangan dalam pelbagai aspek kepada negara.

"Dengan penurunan kadar kelahiran dan kadar kematian serta peningkatan teknologi perubatan, peratusan warga emas berusia 65 tahun dan ke atas di Malaysia akan berganda daripada tujuh peratus kepada 14 peratus dalam masa 23 tahun berbanding Perancis yang mengambil masa selama 112 tahun untuk perubahan yang sama.

"Terdapat pelbagai isu yang berkaitan seperti penjagaan serta urusan kematian. Kita hendak melihat cara untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat Malaysia. Ini tidak boleh dilihat sebagai satu bebanan kepada masyarakat dan keluarga," katanya ketika ditemui pemberita pada majlis prapelan-caran Institut Penyelidikan Penu-



Terdapat pelbagai isu yang berkaitan seperti penjagaan serta urusan kematian. Kita hendak melihat cara untuk tingkatkan kesejahteraan hidup rakyat Malaysia. Ini tidak boleh dilihat sebagai satu bebanan kepada masyarakat dan keluarga."

DR. TENGKU AIZAN HAMID
Pengarah Institut
Penyelidikan Penuaan UPM



TENGKU AIZAN HAMID

aan UPM di sini hari ini.

Institut tersebut sebelum ini yang dikenali sebagai Institut Gerontologi UPM ditubuhkan sebagai pusat penyelidikan serta pembangunan bagi meningkatkan kesejahteraan warga emas, keluarga dan masyarakat dengan kerjasama agensi kerajaan dan swasta selaras Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Yang turut hadir Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan.

Tengku Aizan berkata, institut berkenaan juga boleh dijadikan rujukan oleh agensi-agensi berkaitan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk menetapkan usia yang sesuai bagi pengeluaran penuh wang persaraan.

Katanya, pihaknya kini turut mewujudkan program pengajian khusus bagi warga emas sebagai salah satu usaha untuk mengubah perspektif dan tanggapan masyarakat umum sebelum ini terhadap golongan tersebut.

"Ini bukan tanggungjawab kerajaan semata-mata, tetapi turut melibatkan pihak swasta, masyarakat dan keluarga yang berperanan sebagai entiti untuk mewujudkan masyarakat yang produktif serta menyumbang kepada aspek pembangunan negara.

"Kita dapat ubah cara hidup golongan tua dengan menyampaikan ilmu baharu serta berkongsi pengalaman yang mereka peroleh sebelum ini kepada masyarakat," katanya.